

▼20/02/14-12MST

CNS5737

U GB 20-02 00172 BA034

AAB

Mahathir - Serbia

MALAYSIA TIDAK UBAH PENDIRIANNYA TERHADAP BOSNIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Desakan Malaysia ke atas Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara agar membekalkan senjata kepada pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu di Bosnia bukanlah alasan untuk tidak melancarkan serangan udara terhadap Serbia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tiada pihak yang boleh menuduh Malaysia sudah menukar pendiriannya (terhadap sokongannya kepada Bosnia) kerana "takut" serangan balas Serbia ke atas UNPROFOR.

"Saya ingin tekankan bahawa Malaysia komited, kita bukan hendak bagi ini sebagai alasan supaya tiada serangan dibuat terhadap Serbia atau kedudukan senjatanya," katanya pada persidangan akhbar di kediamannya, Seri Perdana, di sini.

Dr Mahathir berkata, setakat ini beliau belum lagi menerima sebarang maklum balas daripada Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) mengenai permohonannya itu.

Kini terdapat sebanyak 1,500 anggota tentera Malaysia berkhidmat dengan UNPROFOR yang diketuai Kolonel Hashim Hussein. Mereka dilengkapi dengan senjata ringan seperti rifel dan mortar sesuai dengan misinya sebagai tentera pengaman. -- Lagi.

▼20/02/14-08MST

CNS5741

U GB 20-02 00219 BA035

AAB

Mahathir - Serbia 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Rabu lepas, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Borhan Ahmad berkata, tentera Malaysia di sana tidak berupaya menahan sebarang serangan balas daripada penganas Serb jika NATO melancarkan serangan udara, yang dijadualkan pagi esok, kerana mereka tidak dilengkapi peralatan peperangan yang mencukupi.

Bagaimanapun, mengikut laporan akhbar semalam, Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail telah memberi jaminan akan menyampaikan permintaan Malaysia itu kepada PBB.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga kluatir kerana tentera Rusia, yang jelas menyokong penganas Serb, telahpun dibenarkan memasuki Bosnia-Herzegovina sedangkan tentera Turki tidak dibenarkan berbuat demikian kerana dikatakan menyokong Bosnia.

"Apakah ini satu keadilan. Sekali lagi kita dapati keadaan berat sebelah. Pihak yang menyokong Bosnia tidak boleh ada, tetapi yang memihak kepada Serbia boleh ada dan mungkin pula ditempatkan dekat dengan kedudukan senjata Serbia supaya tidak boleh ada pengeboman di kedudukan itu.

Beliau berkata, ini satu sifat hipokrat yang terang-terangan.

Ketika mengulas mengenai ugutan NATO kepada Serbia bahawa ia akan melancarkan serangan udara sekiranya mereka enggan berundur dari Sarajevo pagi esok, Perdana Menteri mengulangi bahawa beliau tidak yakin NATO akan berbuat demikian.

"Saya sanggup bertaruh tidak akan ada pengeboman dibuat biarpun pihak terbabit telah memberi jaminan akan berbuat demikian," katanya. -- Bernama.

RA KAM.

▼20/02/14-18MST